

D.R. 31/2010

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan dan penerbitan meteorologi oleh Jabatan Meteorologi Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1973 hingga 31 Disember 2009.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia) (Pengesahan) 2010.

Pengesahan dan tanggung rugi

2. (1) Walau apa pun peruntukan Akta Fi 1951 [*Akta 209*], fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Meteorologi Malaysia berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan dan penerbitan meteorologi selama tempoh mulai 1 Januari 1973 hingga 31 Disember 2009 hendaklah disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah.

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut, dan jika apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang sedemikian telah dibawa, dimulakan atau dikekalkan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan fi yang telah dikenakan dan dipungut sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta ini boleh dibuat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fi yang telah dikenakan dan dipungut berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan dan penerbitan meteorologi selama tempoh mulai 1 Januari 1973 (iaitu dari hari yang fi mula dipungut) hingga 31 Disember 2009 (iaitu hari sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan Jabatan Meteorologi Malaysia) 2010 [*P.U. (A) 1/2010*]). Fi itu telah dibayar kepada dan dipungut oleh Jabatan Meteorologi Malaysia. Walau bagaimanapun, fi yang dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Meteorologi Malaysia telah tidak diwartakan di bawah Akta Fi 1951 melalui suatu Perintah Fi yang sepatutnya dibuat dan dijadikan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1973.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2706]